

14/01/2000

Kelantan serah kepada bahagian buat keputusan

KOTA BHARU, Khamis - Badan Perhubungan Umno Kelantan, petang ini, mengambil keputusan menyerahkan kepada bahagian di negeri ini untuk menentukan sama ada mencalonkan nama lain bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti, Mei ini.

Pengerusinya, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, terserah kepada Umno bahagian sama ada mahu mematuhi nasihat Majlis Tertinggi (MT) Umno atau sebaliknya dalam menentukan perkara itu.

Menurutnya, bahagian dan cawangan bebas memikirkan nasihat MT supaya jawatan presiden dan timbalan presiden parti tidak dipertandingkan pada perhimpunan agung itu.

"Keputusan muktamad (perkara itu) kita serahkan kepada bahagian, kerana badan perhubungan hanya sebagai saluran untuk menyampaikan nasihat MT. Bahagian-bahagian yang berkuasa dalam soal ini.

"Kita (perhubungan) sebenarnya tidak terbabit dalam pemilihan dan sebagainya, kerana hak itu berada pada ahli menerusi perwakilan di bahagian-bahagian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Badan Perhubungan Umno Kelantan di Bilik Mesyuarat Umno Negeri, di sini, petang ini.

Kecuali Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa yang berada di luar negara, semua anggota badan perhubungan itu hadir dalam mesyuarat berkenaan.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Gua Musang yakin keputusan yang dibuat oleh badan perhubungan itu bukanlah suatu konflik yang akan dihadapi Umno kerana ia berasaskan `hormat' kepada keputusan MT dan pucuk pimpinan parti.

Menurutnya, MT sudah menjelaskan pendirian dan Presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sudah memaklumkan kepada ahli mengenai tafsirannya berhubung kuasa-kuasa yang ada pada peringkat tertentu.

Beliau juga menjelaskan, keputusan yang dibuat oleh bahagian bukan mencerminkan keputusan negeri (badan perhubungan) kerana negeri tidak ada kuasa dalam soal pemilihan.

Ditanya jika ada bahagian mencalonkan namanya untuk bertanding sebarang jawatan tertinggi dalam MT, Tengku Razaleigh berkata perkara itu tidak berbangkit.

Ini kerana, katanya, sebelum ini beliau pernah menyatakan bahawa tidak mempunyai rancangan untuk bertanding sebarang jawatan penting dalam parti.

(END)